



## PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN TELEFON PINTAR SEBAGAI ALAT PEMBELAJARAN

Nur Hazwani Nerrahim<sup>1</sup> dan Harziah Ahmad Hanif<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Politeknik Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

[<sup>1</sup>nurhazwani@polikk.edu.my](mailto:nurhazwani@polikk.edu.my)

[<sup>2</sup>harziah@polikk.edu.my](mailto:harziah@polikk.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengenalpasti sejauh mana penerimaan pelajar terhadap penggunaan telefon pintar sebagai alat pembelajaran. Kajian kuantitatif ini melibatkan seramai 144 responden dikalangan pelajar politeknik. Data dikutip dengan cara mengedarkan soal selidik secara “google form” menggunakan teknik Pensampelan Bertujuan. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS v.23 untuk analisis deskriptif bagi mendapatkan nilai skor min. Hasil kajian mendapati responden bersetuju menerima telefon pintar untuk pembelajaran. Responden juga bersikap positif terhadap telefon pintar untuk pembelajaran dan bersetuju dengan penggunaan telefon pintar untuk pembelajaran pada masa hadapan. Walaupun begitu, ianya pada tahap sederhana. Penerimaan telefon pintar yang sederhana terhadap pembelajaran dan sikap yang sederhana terhadap telefon pintar untuk pembelajaran masa kini dan masa akan datang menggambarkan pelajar tidak menggunakan sepenuhnya telefon pintar untuk tujuan akademik dan pencarian ilmu pengetahuan. Pelajar mungkin menggunakan telefon pintar untuk tujuan lain yang kurang bermanfaat seperti hiburan dan permainan video. Pelajar perlu diberi pendedahan oleh ibubapa, guru-guru dan orang yang lebih dewasa tentang pelbagai manfaat yang boleh pelajar perolehi dari penggunaan telefon pintar dengan cara yang betul. Perisian pembelajaran yang menarik dan interaktif, yang boleh dilayari melalui telefon pintar juga perlu dibangunkan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi menarik perhatian pelajar terhadap pembelajaran dalam.

**Kata kunci:** Penerimaan telefon pintar, alat pembelajaran, pelajar Politeknik

### 1. Pengenalan

Institusi pendidikan di seluruh negara terpaksa membuat keputusan yang sukar tentang pengajaran dan pembelajaran semasa krisis pandemik Covid-19 (Salleh et al., 2021). Untuk meneruskan pendidikan perlu diteruskan dengan memilih untuk menukar pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran dalam talian. Instrumen pembelajaran seperti komputer riba dan telefon pintar mula digunakan secara meluas dengan sambungan internet untuk mengikuti



kelas dalam talian. Telefon pintar ialah instrumen yang inovatif dan berpotensi dalam tetapan pendidikan. Ia sangat membantu menyokong pengajaran di kampus dan meningkatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, telefon pintar menawarkan cara baharu penglibatan pelajar yang mempunyai impak ketara kepada sistem pendidikan semasa (Abdul Hamid et al., 2019).

Di samping itu, telefon pintar boleh menggalakkan perbincangan dan perkongsian antara pelajar dan pendidik selain daripada membolehkan pelajar mengakses kandungan kursus dan maklumat lain yang berkaitan (Cochrane, 2010). Walaupun begitu, penggunaan telefon pintar bukan sekadar alat tetapi perlu juga kepada kekuatan internet. Tanpa internet, telefon pintar juga tidak dapat berfungsi untuk tujuan pembelajaran. Banyak tinjauan dijalankan di Sabah mendapati ramai pelajar mempunyai telefon pintar yang tidak canggih dan kekurangan internet berkelajuan tinggi, yang mungkin boleh mengubah persepsi dan penerimaan mereka terhadap telefon pintar. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk menilai tahap penerimaan pelajar Politeknik Kota Kinabalu terhadap penggunaan telefon pintar sebagai alat pembelajaran.

## 2. Metodologi

Responden kajian ini adalah terdiri pelajar Politeknik Kota Kinabalu daripada Jabatan Perdagangan. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, sampel kajian terdiri daripada 144 pelajar: 47 lelaki dan 97 pelajar perempuan di semua peringkat diploma. Reka bentuk kajian adalah secara Kuantitatif. Teknik pensampelan bertujuan digunakan dengan membuat pertimbangan untuk mendapat saiz dan pilihan sample. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan soal selidik menggunakan *Google form*. Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan perisian SPSS v.23 untuk analisis deskriptif bagi mendapatkan nilai skor min. Nilai skor min akan di terjemah kepada nilai tahap seperti yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019) seperti berikut: 1.00– 1.99 (Lemah), 2.00– 2.99 (Rendah), 3.00– 3.99 (Sederhana) dan 4.00– 5.00 (Tinggi).

## 3. Analisis

### 3.1 Latar Belakang Responden

**Jadual 1** menunjukkan perincian latar belakang responden yang terdiri daripada pelajar dari semester 1 sehingga semester 6 Politeknik Kota Kinabalu, Sabah, yang terdiri daripada tiga program iaitu Diploma Akautansi, Diploma Pemasaran dan Diploma Logistik dan Rantaian Bekalan di Jabatan Perdagangan. Tempoh masa yang digunakan untuk mendapatkan data adalah selama seminggu selepas “*google form*” diedarkan. Item yang perlu dijelaskan di bahagian ini adalah majoriti pelajar menggunakan telefon pintar sepanjang pembelajaran dalam talian, berbanding dengan komputer riba, personal komputer dan lain-lain. Data juga menunjukkan bahawa ramai telefon pintar pelajar berharga RM1,000 lebih ke atas (34.0 peratus).



**Jadual 1:** Latar belakang responden

Item		n	%
Jantina	Lelaki	47	32.6
	Perempuan	97	67.4
Program	DAT	24	16.7
	DLS	97	67.4
	DPR	23	16.0
Kediaman pelajar	Asrama / kolej kediaman	22	15.3
	Rumah keluarga	118	81.9
	Rumah sewa	4	2.8
Semester	Semester 1 - 2	62	43.1
	Semester 3 - 4	54	37.5
	Semester 5 - 6	28	19.4
Kuota langganan internet	5 Gb Ke Bawah	37	25.7
	6 Gb Hingga 10 Gb	17	11.8
	11 Gb Hingga 20 Gb	15	10.4
	Tiada Had	75	52.1
Alat untuk pembelajaran dalam talian	Laptop/ komputer riba	60	41.7
	Personal Komputer	4	2.8
	Tablet	3	2.1
	Telefon pintar	77	53.5
Adakah anda rasa telefon bimbit anda benar-benar sesuai untuk semua tujuan pembelajaran	Tidak	37	25.7
	Tidak Pasti	18	12.5
	Ya	89	61.8
Adakah anda rasa perlu menukar telefon bimbit anda untuk semua tujuan pembelajaran?	Tidak	55	38.2
	Tidak Pasti	24	16.7
	Ya	65	45.1
Berapakah harga telefon pintar anda?	RM100	2	1.4
	RM200	5	3.5
	RM300	3	2.1
	RM400	9	6.3
	RM500	21	14.6
	RM600	18	12.5
	RM700	11	7.6
	RM800	15	10.4
	RM900	11	7.6
	RM1,000 dan keatas	49	34.0



### 3.2 Analisis Deskriptif

**Jadual 2** menunjukkan tahap penerimaan dalam bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian a) tahap penerimaan telefon pintar untuk pembelajaran; bahagian b) sikap terhadap telefon pintar untuk pembelajaran; dan bahagian c) kecenderungan untuk menggunakan telefon pintar untuk pembelajaran pada masa hadapan. Melihat kepada skor min yang diperoleh untuk ketiga-tiga bahagian adalah pada tahap sederhana. Untuk tahap penerimaan, secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana. Sementara itu, untuk sikap, semua item berada pada tahap sederhana juga. Manakala untuk penggunaan pada masa hadapan, tahap penerimaan pada masa hadapan juga pada tahap sederhana.

**Jadual 2:** Tahap Penerimaan Telefon Pintar Untuk Pembelajaran

Kod item	Item kajian	Sisihan Piawai	Skor Min	Tahap
<b>A. Penerimaan Telefon Pintar Untuk Pembelajaran</b>				
M1	Belajar menggunakan telefon pintar adalah sangat mudah	1.08	3.84	Sederhana
M2	Saya dapati mudah untuk mendapatkan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran	1.11	3.67	Sederhana
M3	Interaksi saya dengan telefon pintar akan jelas dan boleh difahami	0.98	3.82	Sederhana
M4	Saya dapati telefon pintar adalah fleksibel untuk berinteraksi dalam kelas	1.00	3.88	Sederhana
M5	Mudah untuk menjadi mahir menggunakan telefon pintar	0.98	3.94	Sederhana
M6	Menggunakan telefon pintar telah memudahkan saya belajar	0.99	3.88	Sederhana
M7	Menggunakan telefon pintar telah meningkatkan prestasi pembelajaran saya	0.99	3.74	Sederhana
M8	Menggunakan telefon pintar telah meningkatkan keberkesanan pembelajaran saya	1.00	3.82	Sederhana
M9	Menggunakan telefon pintar telah meningkatkan kecekapan pembelajaran saya	1.00	3.80	Sederhana
M10	Menggunakan telefon pintar telah memberi saya kawalan yang lebih besar dalam proses pembelajaran	0.99	3.75	Sederhana
M11	Saya dapati telefon pintar berguna untuk pembelajaran dalam talian.	0.99	4.00	Tinggi



### B. Sikap Terhadap Telefon Pintar Untuk Pembelajaran

S1	Menggunakan telefon pintar untuk pembelajaran adalah idea yang sangat baik	1.01	3.83	Sederhana
S2	Pada pendapat saya adalah sangat wajar menggunakan telefon pintar untuk pembelajaran	1.03	3.75	Sederhana
S3	Adalah lebih baik menggunakan telefon pintar	1.12	3.47	Sederhana
S4	Saya suka / tidak suka idea menggunakan telefon pintar untuk pembelajaran	1.11	3.54	Sederhana

### C. Penggunaan Telefon Pintar Untuk Pembelajaran Pada Masa Hadapan

P1	Saya berhasrat untuk memanfaatkan telefon pintar untuk pembelajaran pada masa hadapan	1.01	3.90	Sederhana
P2	Saya berhasrat untuk meningkatkan penggunaan telefon pintar pada masa hadapan untuk pembelajaran	1.03	3.88	Sederhana

## 4. Perbincangan

Penggunaan telefon pintar masih di tahap sederhana dalam penerimaan dan penggunaan telefon pintar di kalangan pelajar untuk proses pencarian ilmu pengetahuan, hal ini disebabkan pelajar tidak menggunakan sepenuhnya telefon pintar untuk tujuan akademik dan pencarian ilmu pengetahuan tetapi pelajar berkemungkinan menggunakan telefon pintar untuk tujuan lain yang kurang bermanfaat seperti hiburan dan permainan video. Hal ini merujuk kepada, kajian Abdul Hamid et al. (2019), menunjukkan bahawa telefon pintar menyokong pembelajaran pelajar, tetapi terdapat pengetahuan yang terhad mengenai hasil penggunaannya dalam tetapan pendidikan. Kajian tersebut memberikan gambaran tentang penggunaan telefon pintar oleh pelajar dalam pendidikan. Menurut Tuncay (2016), telefon pintar menggabungkan pelbagai ciri, memberikan mobiliti dan hiburan kepada penggunanya bahawa peranti teknologi canggih ini menjadi sebahagian yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan kebanyakan orang. Oleh itu, pelajar masih memerlukan pendedahan supaya mereka jelas bahawa penggunaan telefon pintar dalam pembelajaran dapat memberi manfaat dan kemudahan kepada mereka dalam proses pencarian ilmu pengetahuan. Dengan itu, kajian akan datang amat diperlukan untuk penambahbaikan, dalam membuat perbandingan antara penggunaan telefon pintar tujuan pembelajaran dan hiburan.



## 5. Kesimpulan

Penggunaan telefon pintar boleh dijadikan instrumen yang inovatif dan berpotensi dalam tetapan pendidikan. Ia sangat membantu menyokong pengajaran di kampus dan meningkatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kajian ini mengukur tahap penerimaan penggunaan telefon pintar untuk pembelajaran, sikap terhadap telefon pintar untuk pembelajaran dan penggunaan telefon pintar untuk pembelajaran pada masa hadapan. Secara keseluruhannya, Hasil kajian mendapati responden bersetuju menerima telefon pintar untuk pembelajaran. Responden juga bersikap positif terhadap telefon pintar untuk pembelajaran dan bersetuju dengan penggunaan telefon pintar untuk pembelajaran pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, ia masih di tahap sederhana dalam penerimaan dan penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar untuk proses pencarian ilmu pengetahuan, hal ini disebabkan pelajar tidak menggunakan sepenuhnya telefon pintar untuk tujuan akademik dan pencarian ilmu pengetahuan tetapi pelajar berkemungkinan menggunakan telefon pintar untuk tujuan lain yang kurang bermanfaat seperti hiburan dan permainan video. Oleh itu, pelajar masih memerlukan pendedahan supaya mereka jelas bahawa penggunaan telefon pintar dalam pembelajaran dapat memberi manfaat dan kemudahan kepada mereka dalam proses pencarian ilmu pengetahuan. Dengan itu, kajian akan datang amat diperlukan untuk menambahbaik, dalam membuat perbandingan antara penggunaan telefon pintar tujuan pembelajaran dan hiburan.

## Rujukan

- Abdul Hamid, N. F., Ali, N. S. H., & Mohd Nazri, N. S. (2019). Investigating the perception and acceptance towards smartphone and its application as learning tool among Universiti Teknologi MARA dental students.
- Cai, G., & Ni, C. (2022). High-Reliability Business Management Strategy Analysis Based on GPRS Wireless Communication. *Wireless Communications and Mobile Computing*, 2022.
- Cochrane, T. D. (2010). Beyond the Yellow Brick Road: mobile Web 2.0 informing a new institutional e-learning strategy. *Australasian Journal of Educational Technology*, 26(8).
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Rakhmatov, D. (2021). Mobile technologies in the higher education system. *Mental Enlightenment Scientific-Methodological Journal*, 2021(02), 182-196.
- Robinson, T., Cronin, T., Ibrahim, H., Jinks, M., Molitor, T., Newman, J., & Shapiro, J. (2013). Smartphone use and acceptability among clinical medical students: a questionnaire-based study. *Journal of medical systems*, 37(3), 1-7.



- Rung, A., Warnke, F., & Mattheos, N. (2014). Investigating the use of smartphones for learning purposes by Australian dental students. *JMIR mHealth and uHealth*, 2(2), e3120.
- Salleh, M., Jamaludin, M. F., Safie, N. S. M., & Yusof, J. M. (2021). Tinjauan keberkesanan pembelajaran secara dalam talian ketika pandemik Covid-19: Perspektif pelajar sains kejuruteraan Politeknik Ibrahim Sultan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 374-384.
- Tuncay, N. (2016). Smartphones as Tools for Distance Education. *Online Submission*, 6(2), 20-30.
- Wang, H. (2021). Design and implementation of web online education platform based on user collaborative filtering algorithm. In *2021 4th International Conference on Information Systems and Computer Aided Education* (pp. 2911-2918).